

12 JUL 1998

LAPORAN SIASATAN MENGENAI KLIA DIHANTAR KEPADA KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Pertubuhan Kaunseling dan Perkhidmatan Rakyat (PKPR) Wilayah Persekutuan telah menghantar laporan siasatan berkaitan mutu perkhidmatan di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presidennya P. Gunaseelan berkata, laporan itu dihantar kepada Perdana Menteri menerusi Setiausaha Sulit Kanan beliau, Tan Sri Aziz Ismail, pagi semalam.

Antara lain, laporan itu mengandungi analisis dan cadangan-cadangan PKPR bagi memperbaiki mutu perkhidmatan lapangan terbang baru itu.

Ia juga menyentuh mengenai bayaran letak kereta dan tambang pengangkutan awam yang mahal dari ibu kota ke lapangan terbang berkenaan.

Analisis itu dibuat berdasarkan borang kaji selidik yang diedarkan kepada 5,000 pekerja dan pengguna lapangan terbang itu dalam tempoh empat hari, katanya pada persidangan berita di sini, hari ini.

"Kita berharap Dr Mahathir akan menjawab siasatan kita ini," katanya.

-- BERNAMA

RA PR